# REHDA syor kurangkan, mansuh caj tidak perlu untuk pemaju

BH ONLINE | Rabu, 25 September 2019 | 3:56pm



Presiden REHDA, Datuk IR Soam Heng Choon. - Foto Rohanis Shukri

KUALA LUMPUR: Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) berharap kerajaan akan menurunkan atau memansuhkan caj dan syarat tidak perlu dikenakan terhadap pemaju untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Presidennya, Datuk Ir Soam Heng Choon, berkata pemaju telah mengalami peningkatan kos yang ketara dalam menjalankan perniagaan, terutama membabitkan bahan binaan dan perkhidmatan perunding iaitu antara lima dan 10 peratus lebih tinggi.

"Dengan dapat mengurangkan kos menjalankan perniagaan, penjimatan itu boleh disalurkan kepada pembeli rumah dalam bentuk perumahan mampu milik," katanya kepada Bernama semasa berkongsi hasrat persatuan dalam Belanjawan 2020 akan datang.

Syarat yang perlu dipatuhi pemaju termasuk premium pertukaran status tanah, caj sumbangan modal (untuk infrastruktur dan utiliti) dengan sesetengah petak tanah perlu diserahkan untuk pembinaan loji dan jentera dan setem duti.

REHDA, katanya berpendapat syarikat utiliti swasta seperti Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Telekom Malaysia Bhd (TM) tidak sepatutnya mengenakan caj sumbangan modal kerana pemaju sudahpun disyaratkan untuk menyediakan infrastruktur di projek pembangunan mereka, selain perlu membawa pelanggan baharu kepada syarikat utiliti.

"Syarikat utiliti ini perlu menyemak semula modal mereka sendiri untuk mendapatkannya semula menerusi tarif berdasarkan penggunaan menerusi pembiayaan persekutuan daripada percukaian am," katanya.

Beliau juga berkata, tiga peratus Kos Pembinaan Kasar (GCC) didepositkan ke dalam Akaun Pembangunan Perumahan (HDA) bagi setiap fasa pembangunan projek juga patut dikurangkan kepada satu peratus atau membenarkan pengeluaran dibuat berdasarkan kemajuan pembangunan, sebagai contohnya, 1.5 peratus sebaik sahaja diluluskan dan bakinya apabila siap, 50 peratus.